

MAJLIS PELANCARAN LAMAN SESAWANG PENGURUSAN KONTRAK-KONTRAK TUDM

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2103-majlis-pelancaran-laman-sesawang-pengurusan-kontrak-kontrak-tudm

KUALA LUMPUR, 18 Jul 17 - Pemangku Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah merasmikan Laman Sesawang Pengurusan Kontrak-Kontrak TUDM yang berlangsung di Markas Tentera Udara hari ini.

Inisiatif menghasilkan laman sesawang ini adalah selaras dengan kehendak pucuk pimpinan TUDM bagi menentukan semua kontrak berkuatkuasa setiap masa. Ia akan digunakan oleh pentadbir dan semua pengurus-pengurus kontrak TUDM.

Ini merupakan satu kejayaan bagi pihak TUDM dalam proses pewujudan polisi pelaksanaan, perancangan dan pengurusan kontrak-kontrak TUDM secara dalam talian.

